



Hujung Minggu

فیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.57 SUBUH 5.07 SYURUK 6.30 DUHA 6.54 ZUHUR 12.27 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.21 ISYAK 7.36 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 3

6 JANUARI 2024 / 1445 جادی الآخر 24

MANISNYA IMAN ایمان

“..SESUNGGUHNYA hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan”.

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zumar, ayat 10.



BERANGKAT MEMPENGERUSIKAN PERSIDANGAN KHAS MAJLIS MESYUARAT ADAT ISTIADAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat. - Foto : Masri Osman (Lihat Muka 3).

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri

Tuan Yang Terutama Fumio Kishida, kerajaan dan rakyat Jepun berikutnya dengan gempa bumi yang melanda di Wilayah Ishikawa, Jepun baru-baru ini.

Kibarkan bendera sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Januari. - Sehubungan dengan Majlis Istiadat Perkahwinan seluruh rakyat dan penduduk

Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki mengibarkan bendera seperti lazimnya, iaitu mulai Gendang Jaga-Jaga dibuka, pada Isnin, 26 Jamadilakhir 1445

bersamaan 8 Januari 2024 hingga Gendang Jaga-Jaga ditutup, pada Selasa, 4 Rejab 1445 bersamaan 16 Januari 2024.

Tinjau inisiatif, prasarana kemudahan sekolah

■ Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Januari. - Sempena permulaan persekolahan bagi tahun akademik 2024, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh serta rombongan mengadakan

lawatan kerja ke tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Rendah Pengkalan Batu; Sekolah Rendah Batang Mitus; dan Sekolah Rendah Lumapas.

Antara tujuan lawatan berkenaan adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan kemudahan sekolah seperti bilik-bilik darjah termasuk bilik pembelajaran prasekolah, bilik-bilik guru,

dewan sekolah, kantin, tempat sembahyang, tempat berwuduk dan perpustakaan dengan mengambil kira pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun, Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Mata Pelajaran Umum dan Pelaksanaan Program STEAM (Science, Design & Technology, Engineering, Art, and Mathematics).

>> Muka 4



Berita Utama



MANGSA kebakaran terima sumbangan kewangan

Muka 6



JUALAN amal ringankan beban rakyat Palestin

Muka 8



EKONOMI negara Q3 2023 catat pertumbuhan positif

Muka 16



INFO Teknologi

FLEKSIBILITI dalam mengurus pelan perkhidmatan rangkaian mudah alih dengan eSIM

Muka 20

ELAKKAN KECEDERAAN DI TEMPAT KERJA

Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Januari. - Kecederaan jari di tempat kerja merupakan salah satu kecederaan yang sering berlaku, dan ia boleh membawa kepada ketidakupayaan yang kekal dan sering memberi kesan negatif terhadap mutu kehidupan seseorang.

Walau bagaimanapun, kecederaan jari boleh dielakkan sepenuhnya dengan menggunakan kaedah pengurusan risiko dan mitigasi atau kawalan-kawalan yang mencukupi di tempat kerja agar insiden-insiden berkenaan tidak berlaku.

Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) menerima sebanyak 45 kes kecederaan jari di bawah Workplace Safety and Health (Incident Reporting) Regulations, 2014 sepanjang 2023.

Terdapat pelbagai kes kecederaan jari antaranya termasuk kehilangan tisu hujung jari dan luka-luka akibat terkena objek tajam; patah tulang dan kerosakan tisu dalaman akibat terhempap mesin.

Daripada keseluruhan laporan kes yang diterima, sebanyak tiga kes memerlukan pembedahan lanjut.

Misalannya pada Ogos 2023 yang lalu, salah seorang pekerja pembinaan mengalami kecederaan jari apabila beliau mengeluarkan jari beliau yang terkepit di antara jek hidraulik dan platform. Apabila dia menanggalkan sarung tangannya, dua hujung jari beliau telah pun hancur.

Dalam kes lain, seorang pekerja mengalami luka dan retak jari akibat oleh alat perapi dahan pokok.

Kecederaan juga boleh disebabkan apabila pekerja berkenaan sedang menaiki tangga dengan membawa alat perapi dahan pokok.

Beliau tergelincir dan jatuh menyebabkan tangan pekerja berkenaan terkena alat perapi berkenaan.

Dengan melaksanakan pengurusan risiko dan pematuhan terhadap Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan peraturan-peraturan di bawahnya, kecederaan-kecederaan berkenaan dan kemalangan yang berkaitan boleh dicegah.

Penyediaan penilaian risiko berkenaan adalah penting dalam mengenal pasti bahaya yang mungkin timbul daripada aktiviti kerja yang dijalankan dan mengenal pasti kawalan yang diperlukan bagi mengurangkan tahap risiko berkenaan ke satu tahap yang boleh diterima.

Adalah juga penting dengan pemasangan pelindung keselamatan (safeguards) dan rutin penyenggaraan mesin dan peralatan untuk memastikan ia berfungsi dalam keadaan yang baik serta juga memastikan objek-objek tajam disimpan jauh daripada bersentuhan langsung dengan pekerja.

Manakala pembangunan kapasiti pekerja melalui penyediaan arahan, maklumat, pengawasan dan latihan serta penggunaan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) bertindak sebagai barisan pertahanan terakhir terhadap insiden yang tidak diingini.

Pihak prinsipal, majikan dan orang yang sedang bekerja di tempat kerja bolehlah melayari laman sesawang SHENA di www.shena.gov.bn bagi mendapatkan panduan dan maklumat lanjut berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja termasuk rujukan untuk menyokong pematuhan kepada Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 dan peraturan-peraturan di bawahnya.



Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

SIDANG PENGARANG

06 JANUARI 2024

Hati yang bersih membawa kepada kebaikan

SEBAGAI seorang mukmin, kita dituntut beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia merupakan tunjang kehidupan. Beriman kepada Allah akan membawa kita kepada memiliki hati yang bersih yang pastinya akan membawa kepada kebaikan dan pengakhiran hidup yang membahagiakan.

Untuk memiliki hati yang bersih, sihat dan selamat, kita hendaklah menjaga dua perkara iaitu menjaga hubungan antara manusia dengan Penciptanya iaitu Allah Subhanahu Wata'ala dan juga menjaga hubungan silaturahim antara manusia dengan manusia. Ini kerana hati yang baik akan dapat membentuk pemikiran dan melahirkan tindakan yang baik dalam hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama manusia.

Menjaga hubungan antara manusia dengan Allah bermaksud kita hendaklah mengikuti segala perintah Allah dan meninggalkan semua larangan-Nya serta sentiasa mendekatkan diri kepada-Nya supaya kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat petunjuk dan rahmat daripada-Nya.

Sementara menjaga hubungan manusia dengan manusia pula ialah dengan menjaga hubungan silaturahim dengan berbuat baik kepada kaum kerabat, saudara mala, jiran tetangga dan sahabat handai. Salah satu jalan untuk kita menuju syurga Allah adalah dengan cara saling tolol menolong dalam perkara berkebajikan, bersopan santun dan sentiasa bermanis muka.

Selain itu, sentiasa berbakti kepada kedua ibu bapa, sentiasa mengambil berat akan keadaan mereka, menghormati dan mentaati mereka selama mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan undang-undang.

Kemewahan harta dan pangkat sememangnya adalah nikmat namun tanpa kita sedari ia juga adalah ujian yang melalaikan sehingga menjadikan kita hamba-Nya yang suka bermegah-megah. Sememangnya sifat bermegah-megah ini adalah sesuatu yang merosakkan hati dan perasaan.

Sebaiknya gunakanlah harta tersebut untuk menyumbang ke jalan yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala seperti bersedekah, berwakaf, membantu orang-orang yang lebih memerlukan seperti fakir miskin dan menyumbang ke tabung-tabung masjid atau kebajikan dan seumpamanya. Harta itu memang pada zahirnya mungkin berkurang tetapi pada hakikatnya, ia banyak memberikan kebaikan kepada orang yang menghulurkan sedekah.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh dan idola terbaik bagi ikutan seluruh umat Islam sebagai cerminan diri dalam mengharungi kehidupan sehari-hari.

Banyak pengajaran dan contoh teladan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan kehidupannya untuk kitajadikan sebagai panduan serta ikutan dalam mengisi dan mempertingkatkan keimanan kita. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

WAKTU SEMBAHYANG											
Januari MASIHI	HARI	Jamadilakhir HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
6	SABTU	24	4 . 57	5 . 07	6 . 30	6 . 54	12 . 27	3 . 49	6 . 21	7 . 36	
7	AHAD	25	4 . 58	5 . 08	6 . 31	6 . 55	12 . 27	3 . 49	6 . 22	7 . 36	
8	ISNIN	26	4 . 58	5 . 08	6 . 31	6 . 55	12 . 28	3 . 49	6 . 22	7 . 36	
9	SELASA	27	4 . 58	5 . 08	6 . 31	6 . 55	12 . 28	3 . 50	6 . 23	7 . 37	
10	RABU	28	4 . 59	5 . 09	6 . 32	6 . 56	12 . 28	3 . 50	6 . 23	7 . 37	
11	KHAMIS	29	4 . 59	5 . 09	6 . 32	6 . 56	12 . 29	3 . 51	6 . 23	7 . 38	
12	JUMAAT	30	5 . 00	5 . 10	6 . 32	6 . 56	12 . 29	3 . 51	6 . 24	7 . 38	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar		
33 24 °C	33 24 °C	33 25 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	31 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

Berangkat mempengerusikan Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (atas dan kiri).

Pengerusi 3 Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penolong Pengerusi Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Para Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pehin-pehin Manteri.

Majlis Mesyuarat Adat Istiadat antara lain bertanggungjawab mengawasi perkembangan adat istiadat dari semasa ke semasa dan mengambil inisiatif yang bersesuaian dan memastikan pelaksanaan adat istiadat yang sempurna berdasarkan prinsip memelihara keaslian dan keutuhannya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Persidangan Khas yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Jabatan Perdana

Menyertai (JPM) dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM selaku Penasihat Majlis Mesyuarat Adat Istiadat; Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Timbalan Pengerusi 1 Majlis Mesyuarat Adat Istiadat; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen selaku Timbalan Pengerusi 2 Majlis Mesyuarat Adat Istiadat; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Pengerusi Majlis Mesyuarat Adat Istiadat dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah selaku Timbalan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja menadah tangan semasa bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dibacakan sebelum Majlis Mesyuarat Adat Istiadat dimulakan.

TINJAU INISIATIF, PRASARANA KEMUDAHAN SEKOLAH



>> Muka 1

Mula-mula Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Noriah binti Awang Haji Sarudin.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Noriah binti Awang Haji Sarudin. Semasa lawatan, Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang menyaksikan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Yang Berhormat Menteri

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa mengadakan lawatan kerja dan bergambar ramai bersama para pelajar di salah sebuah sekolah berkenaan.

Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga berkesempatan berinteraksi dengan para guru dan pelajar semasa lawatan berkenaan serta memberi kata-kata motivasi.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta rombongan meneruskan lawatan kerja ke Sekolah Rendah Batang Mitus.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Rokiah binti Haji Maidin.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang untuk menyaksikan dengan lebih dekat pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran

ugama setelah pengintegrasian. Lawatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan diakhiri ke Sekolah Rendah Lumapas.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hasdinah Faranom binti Haji Mohd. Hassan.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan meninjau prasaranan sekolah bagi memastikan prasaranan yang sedia ada adalah kondusif untuk mendukung sesi pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, mereka juga berpeluang menyaksikan pelbagai inisiatif yang dijalankan di sekolah dalam menyokong pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam Tahun kepada lima Tahun.

Turut menyertai rombongan berkenaan ialah ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis makan malam sempena penubuhan IFB Ke-16



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Makan Malam dan Kutipan Amal sempena penubuhan Infocom Federation Brunei Darussalam Ke-16 yang berlangsung di Dewan Goldstone, Hotel Centrepoint.

GADONG, Jumaat, 5 Januari. - Infocom Federation Brunei Darussalam (IFB) malam ini

mengadakan Majlis Makan Malam dan Kutipan Amal sempena penubuhannya ke-16, yang

berlangsung di Dewan Goldstone, Hotel Centrepoint, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

pada majlis tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus IFB, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latif yang antara lain menekankan bahawa teknologi telah merevolusikan cara hidup kita, lebih berhubung, lebih banyak pilihan dengan kemudahan digital moden.

Bahkan tegasnya, teknologi telah menyumbang dengan ketara kepada ekonomi kita.

Katanya, teknologi adalah sebagai industri bertenaga dan telah berkembang dengan pantas malah, ia juga merupakan penggerak teras untuk ekonomi digital kita.

"Mari terus mengembangkan sektor ekonomi digital bersama-sama, dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan yang baik dan peluang untuk rakyat Brunei," ujar beliau lagi.

Majlis diteruskan dengan pelancaran IFB Awards 2024 oleh tetamu kehormat bagi empat kategori iaitu The Best Corporate Social, The Best Technology, The Best Inovation, dan The Best Digital Media.

Selepas itu diikuti dengan penyampaian sumbangan tajaan kepada IFB bagi kegunaan projek dan keperluan peralatan teknologi dalam persatuan atau persekutuan yang memerlukan yang diterima oleh Timbalan Pengurus IFB, Dr. Yong Chee Tuan.

Para penyumbang terdiri daripada AITI, Sprintville Technologies, Ericsson Telecommunication Pte Ltd, Imagine Sdn. Bhd., DST Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Dynamic Technologies Sdn. Bhd., Rhymin and Partners, Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., Anak IT, dan Folec Communication Sdn. Bhd.

Majlis berkenaan dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian sambil menikmati hidangan makan malam.



KAJI SELIDIK PENGANGKUTAN BAS AWAM

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), sedang memulakan satu inisiatif kaji selidik secara berperingkat bagi memahami keperluan pengangkutan awam yang bertujuan untuk menambahbaik sistem bas yang sedia ada.

8 Disember 2023 hingga 12 Januari 2024



<https://bit.ly/48mHt7K>



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan’. Tarikh Tutup : 10 Januari 2024
- ‘Azam Tahun Baharu, perlu dicapai’. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024
- ‘Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan’. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

LAWATAN KERJA KE MA'HAD ISLAM BRUNEI



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan kerja ke Ma'had Islam Brunei dan seterusnya menyaksikan mini pameran inovasi dari pelajar-pelajar Ma'had Islam Brunei (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 4 Januari. - Bersempena pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar Sanah 5, 7 dan 9 ke Persekolahkan Arab bagi tahun 2024, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke Ma'had Islam Brunei.

Pada lawatan kerja berkenaan, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berkesempatan menyaksikan persembahan dari dua kumpulan pelajar yang berjaya mendapat Anugerah Merit di 22nd.



APICTA pada Disember 2023 lalu di Hong Kong, di samping menyaksikan mini pameran inovasi dari pelajar-pelajar Ma'had Islam Brunei.

Yang Mulia Timbalan Menteri

Hal Ehwal Ugama juga turut berkesempatan untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengetua Ma'had Islam Brunei, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad.

Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi meninjau pelaksanaan aktiviti-

aktiviti kemasukan pelajar-pelajar baharu ke Persekolahkan Arab di samping melihat secara dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan yang berkualiti tinggi.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan dan para pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Tinjau kemasukan pelajar baharu ke persekolahan Arab



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan sempena pendaftaran dan kemasukan pelajar Sanah 5, 7 dan 9 ke persekolahan Arab bagi tahun 2024 (atas dan bawah).

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan sempena pendaftaran dan kemasukan pelajar Sanah 5, 7 dan 9 ke persekolahan Arab bagi tahun 2024.

Turut hadir dalam rombongan lawatan tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian berkenaan.

Lawatan berkenaan merupakan

TATACARA
MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

suruhanjaya perkhidmatan awam
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
www.RECRUITMENT.GOV.BN | www.SPA.GOV.BN

- 01**
Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik LOG MASUK
- 02**
Log masuk menggunakan akaun e-darussalam
- 03**
Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN
- 04**
Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

acara tahunan KHEU bagi meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasukan pelajar baharu ke persekolahan Arab, di samping meninjau prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan yang berkualiti tinggi.

Kewujudan sekolah-sekolah Arab di negara ini adalah sangat signifikan yang berkait rapat dengan usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan tinggi khususnya dalam bidang agama dan seterusnya nanti akan berperanan bagi mengukuhkan penghayatan hidup beragama di negara ini.

PUPUK SEMANGAT PERPADUAN DALAM HIDUP BERMASYARAKAT



■ Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 5 Januari. - Malam Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong anjuran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong diadakan antaranya untuk mengutip derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Dengan tema 'Kebudayaan Untuk Kedamaian', sebanyak 50 peratus daripada hasil kutipan persembahan kebudayaan berkenaan akan diserahkan untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman, dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Bersama Majlis bagi memulakan acara.

Antara lain pengajaran majlis

mengelakkan dan menghidupkan kebudayaan etnik-ethnik di bawah tадahan masing-masing untuk diteruskan oleh generasi penerus supaya kebudayaan tidak hilang ditelan zaman.

Seramai 180 peserta yang terdiri dari golongan kanak-kanak, muda mudi dan dewasa membuat persembahan mewakili etnik masing-masing, seraya menunjukkan bahawa setiap mukim dan kampung tetap memelihara dan mengembangkan kebudayaan setempat mereka.

Majlis yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong; dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai; Penghulu-penghulu Mukim, serta Ketua-ketua Kampung di Daerah Tutong.

Atur cara diteruskan dengan persembahan kebudayaan daripada puak-puak etnik masyarakat Tutong; masyarakat Dusun; masyarakat Bisaya; masyarakat Tiong Hua; masyarakat Kedayan dan juga masyarakat Iban.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil dan sagu hati kepada ketua-ketua persembahan, dan penyerahan derma kutipan bagi Tabung Kemanusiaan Palestin di Gaza 2023 kepada tetamu kehormat.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan derma kutipan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 pada Malam Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong anjuran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, antara persembahan kebudayaan pada majlis berkenaan.



Hiasan pintu gerbang menyerikan suasana BSB



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Januari. - Ibu negara, Bandar Seri Begawan (BSB) sekali lagi akan memahat ristaan sejarah dan menjadi tumpuan rakyat serta penduduk negara ini apabila berlangsungnya Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam, yang akan diarak mengelilingi BSB dengan kenderaan khas selepas berlangsungnya Istiadat Persandingan Diraja di Istana Nurul Iman, pada Ahad, 14 Januari 2024 nanti.

Menjelang Istiadat Perkahwinan Diraja berkenaan, persiapan di sekitar ibu negara giat dilaksanakan dan pada ketika ini pintu-pintu gerbang sudah tersergam indah dibina yang memaparkan potret kedua-dua mempelai Pengantin Diraja, didirikan di sepanjang laluan utama perarakan berkenaan nanti.

Selain potret wajah kedua-dua mempelai Pengantin Diraja, pada setiap pintu-pintu gerbang berkenaan juga turut diselitkan kalimah 'Allah Peliharakan Pengantin Diraja', 'Allah Lindungi Pengantin Diraja' dan 'Allah Selamatkan Pengantin Diraja', iaitu sebagai doa memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'alai bagi Pengantin Diraja yang disayangi ramai.



MENJELANG Istiadat Perkahwinan Diraja, persiapan di sekitar ibu negara giat dilaksanakan dan pintu-pintu gerbang sudah tersergam indah dibina yang memaparkan potret kedua-dua mempelai Pengantin Diraja, didirikan di sepanjang laluan utama perarakan berkenaan nanti (atas dan atas kiri).

Suasana di perkarangan luar Istana Nurul Iman menuju ke BSB juga turut bermandikan cahaya bergemerlap pada waktu malam serta dihiasi dengan pelbagai perhiasan yang dipasang di sepanjang jalan utama di samping hiasan bunga-bunga di tepi-tepi jalan yang menambah lagi keindahan suasana ibu kota.

Sementara itu, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) juga dikehendaki mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing, bangunan-bangunan kerajaan dan

gedung-gedung perniagaan iaitu mulai Gendang Jaga-Jaga dibuka yang bermula 8 Januari 2024 hingga Gendang Jaga-Jaga ditutup pada 16 Januari 2024.

Bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi, bagi orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera peribadi masing-masing dan bendera NBD bagi orang ramai.

Untuk itu, jangan lepaskan peluang keemasan ini dan marilah kita beramai-ramai membanjiri BSB bagi memeriahkan lagi suasana

gemilang Istiadat Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi ibu negara pada Ahad, 14 Januari 2024 nanti.

Sama-sama kita bergembira dan meraikan dengan penuh kesyukuran kerana dapat menyaksikan peristiwa penting itu nanti.

Mari kita sama-sama menadah tangan mendoakan semoga Pengantin Diraja sentiasa terus bahagia, diberkati dan mendapat perlindungan serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'alai jua, Amin.

MANGSA KEBAKARAN TERIMA AGIHAN WANG ZAKAT



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 4 Januari. - Bagi tujuan meringankan bebanan, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal

(The Department of Zakat, Waqaf and Baitulmal Affairs) menyerahkan agihan wang zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran rumah

PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, KHEU, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu semasa menyerahkan agihan wang zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampung Bolkiah 'A' (kiri dan kanan).

di Kampung Bolkiah 'A', hari ini.

Majlis Penyerahan Agihan Wang Zakat yang berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis itu disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu kepada seramai 14 penerima yang terdiri daripada lima kelamin.

Mangsa-mangsa kebakaran rumah terlibat menerima sebanyak BND200 setiap seorang dan ditambah dengan Agihan Persekutuan BND100 setiap seorang (untuk dua orang cucu). Jumlah keseluruhan wang zakat



yang diserahkan adalah sebanyak BND3,000 diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Kejadian kebakaran rumah yang didiami oleh Awang Rosli bin Haji Tuah dan mangsa-mangsa yang lain berlaku pada 31 Disember 2023

lalu mengakibatkan keseluruhan rumah musnah.

Pada ketika ini kesemua mangsa tinggal sementara di rumah yang disediakan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampung Bolkiah 'A' (tidak jauh dari rumah asal mangsa kebakaran).

59 pain darah berjaya dikumpulkan



KEMPEN Derma Darah yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP berjaya mengumpul sebanyak 59 pain darah (atas dan bawah).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Kempen Derma Darah yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah berjaya mengumpul sebanyak 59 pain darah daripada 84 pendaftaran, hari ini.

Acara yang diselenggarakan bersama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) itu bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah tersebut menerima pendermaan yang terdiri daripada warga KSSUP dan juga orang awam bagi sama-sama membantu meningkatkan

lagi stok bekalan darah negara.

Selain itu, Kempen Derma Darah ini juga diadakan bersempena dengan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 yang disambut setiap 5 November di bawah kluster kemasyarakatan.

Dengan tujuan untuk memberikan peluang kepada penderma dalam membantu meningkatkan tabung simpanan darah di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS, kempen ini juga bertujuan sebagai salah satu usaha bersama dalam melibatkan penyertaan warga kerja dan stakeholders di KSSUP. Usaha seperti ini juga adalah menyahut seruan kerajaan dalam Whole of Nation Approach.



Jualan amal ringankan beban rakyat Palestin



Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Jumaat, 5 Januari. - Bagi menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkenankan bagi penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengadakan jualan amal pada hari

ini yang bertemakan 'Empathy in Action, Unite for Gaza'.

Jualan amal ini dibukakan kepada orang ramai dan diadakan di kawasan perkarangan AITI di kampung Anggerek Desa.

Lebih 50 peniaga tempatan dan warga kakitangan AITI menyertai jualan amal tersebut dan pelbagai barang dijual seperti makanan, minuman serta pakaian.

Antara peniaga yang ikut serta ialah Abang Shish; Ashiqah Kitchen; Bubbly Squash; Pol's Fresh Fruit Juice; Gerai Pisang Madu B26; Go Kart Rental; Hobby 64.bn; Rocket

PIHAK Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengadakan jualan amal yang bertemakan 'Empathy in Action, Unite for Gaza' disertai lebih 50 peniaga tempatan dan warga kakitangan AITI (kiri dan bawah).

Bouncers; Sense of Solace Café; Sisters in Deen; TastefulDelights.bn; The.Enabler; dan Ummi Alya Enterprise.

Acara ini merupakan salah satu inisiatif di bawah tanggungjawab sosial korporat pihak AITI yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada masyarakat secara amnya dan memupuk perasaan empati terhadap orang lain terutamanya bagi mereka yang kurang bernasib baik.

Selain itu, tabung dana juga disediakan di beberapa lokasi di kawasan perkarangan AITI bagi mempelawa dan menggalakkan para pengunjung untuk memberikan sumbangan seikhlasnya.

Pada penghujung acara, sumbangan dana sejumlah BND5,407 berjaya dikumpulkan hasil jualan dan sumbangan warga AITI dan akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.



PELAJAR UTB SERTAI PROVEG FOOD INNOVATION CHALLENGE ASIA-PACIFIC 2023



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Seramai empat pelajar pasca siswazah dalam Program Sains dan Teknologi Makanan (FST), Sekolah Sains Gunaan dan Matematik (SASM) di Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah meraih tempat ketiga dan memenangi sejumlah USD1,000 dalam ProVeg Food Innovation Challenge Asia-Pacific (APAC) 2023.

Pasukan terdiri daripada Awang Muhammad 'Atiq bin Juani@Najrien bin Juani selaku Ketua Pasukan, Dayang Siti Madiah binti Haji Mohd. Don, Dayang Hasna Basirah Mazalan dan Dayang Jhoorhanah binti Abdul Halim. Para pasukan telah memamerkan minat mereka dalam inovasi makanan.

Pencapaian ini menandakan kemenangan kedua berturut-turut UTB dalam pertandingan tersebut sekali gus menunjukkan komitmennya terhadap kecermerlangan dalam inovasi makanan.

Pasukan pasca siswazah menunjukkan inovasi dan kreativiti

yang cemerlang dalam Sektor Makanan berdasarkan tumbuhan sepanjang cabaran. Perjalanan mereka bermula antara 384 cadangan semasa peringkat awal, bersaing dengan 260 buah universiti dengan jumlah peserta 1,093 pelajar. Mereka bersaing dengan pasukan terkemuka lain pada Disember 2023.

Pasukan ini menerima bimbingan pakar daripada salah satu syarikat agromakanan terkemuka, Charoen Pokphand Foods (CPF), Thailand bersama Director of Open Innovation, Tuan Peemdej Utsahajit; Senior Specialist - Sustainability Goals Execution Management, Tuan Pasu Sirisareewan dan Specialist - Sustainability Partnerships and Communication Management, Praiya Uranukul. Pasukan ini juga menerima bimbingan pakar daripada Pensyarah Tadbir Urus Islam, UBD, Dr. Mohammad Iznan bin Haji Tarip.

Cabaran Inovasi Makanan ProVeg APAC 2023 bertujuan untuk mengumpulkan para inovator serantau yang bercita-cita tinggi

SERAMAI empat pelajar pasca siswazah dalam FST, SASM di UTB telah meraih tempat ketiga dan memenangi sejumlah USD1,000 dalam ProVeg Food Innovation Challenge Asia-Pacific (APAC) 2023 (kiri dan kanan).

untuk meneroka penyelesaian yang mampan dan berdasarkan tumbuhan untuk industri makanan dan minuman. Prestasi cemerlang pasukan Negara Brunei Darussalam mencerminkan komitmen mereka untuk menangani landskap inovasi makanan yang sedang berkembang.

"Menyertai cabaran ini telah menjadi perjalanan transformatif untuk pasukan kami. Kami sangat teruja untuk diiktiraf atas usaha kami dalam menyumbang kepada revolusi makanan berdasarkan tumbuhan," ujar Awang Muhammad 'Atiq bin Juani ketika melahirkan rasa terima kasih atas pengalaman transformatif tersebut.

Konsep kemenangan pasukan itu, bertajuk 'Nasi Kerabu Bliss Bowl' menarik perhatian para juri dengan pendekatan uniknya terhadap hidangan Melayu berdasarkan tumbuhan, menawarkan pemakanan seimbang untuk kesihatan dan kesejahteraan (protein tinggi, zat besi tinggi, rendah lemak dan tanpa pengawet), dan kemudahan tanpa kompromi.

Pembentangan komprehensif mereka menggariskan manfaat kesihatan konsep, ciri kemampuan dan potensi pasaran, termasuk pilihan halal untuk masyarakat Islam.

"Kami percaya kepada kuasa inovasi berdasarkan tumbuhan untuk mencipta impak positif kepada kehidupan dan alam sekitar kami. Kemenangan ini mendorong kami untuk terus meneroka dan menyumbang kepada landskap alternatif makanan yang mampan,



halal dan sihat," tambah Awang Muhammad 'Atiq. Pasukan yang menang akan berpeluang melihat

idea mereka diterima pakai oleh pemimpin industri, memupuk impak dan perubahan dunia sebenar.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.
- Elakkan meminum minuman keras yang berlebihan.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn



BSb Sale 2023 dikelolakan oleh JPES masih berlangsung sejak 4 Disember 2023 hingga 15 Februari 2024 (atas dan kiri).

peniaga terkemuka dalam dan luar negara, pesta berkenaan juga menyediakan platform untuk mempromosikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan bagi memperkenalkan rangkaian produk dan perkhidmatan mereka secara terus kepada pengguna.

Adalah diharapkan melalui pesta-pesta jualan yang diadakan, ia akan dapat membantu

merangsang aktiviti perekonomian dalam negara khasnya melalui promosi produk tempatan dan aktiviti pelancongan dalam negara. Untuk itu, orang ramai dialu-alukan untuk merebut peluang ini sambil berbelanja di dalam negara sekaligus dapat membantu meningkatkan perekonomian negara.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Setiap kali tibanya pesta jualan murah, orang ramai pasti tidak melepaskan peluang berbelanja dan merebut pelbagai potongan harga atau diskaun yang ditawarkan oleh para premis perniagaan dan pengusaha.

Pada musim jualan murah ini, produk barang mahupun perkhidmatan yang ditawarkan diberikan potongan harga istimewa berbanding hari-hari biasa dan bagi menarik orang ramai, bermacam-macam cara dibuat bagi mempromosikan produk-produk berkenaan seperti paparan kain rentang atau poster di luar kedai

hingga promosi secara dalam talian.

Ketika ini, acara jualan murah kebangsaan Brunei Salebration (BSb) 2023 yang dikelolakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi masih lagi berlangsung yang diadakan sejak 4 Disember 2023 hingga 15 Februari 2024 iaitu selama 74 hari.

Tinjauan di beberapa buah gedung perniagaan dan kompleks membeli-belah di negara ini menyaksikan pelbagai promosi menarik dengan diskaun harga untuk orang ramai ditawarkan yang mana ia meliputi





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat berada di Tahun Baharu Masihi 2024 dalam suasana negara yang aman, damai dan sejahtera. Inilah antara nikmat yang tidak dapat dinilai dengan apa pun, seperti juga nikmat umur, nikmat kesihatan, nikmat kemakmuran dan pelbagai lagi bentuk nikmat, semua itu merupakan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Justeru, kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini, wajib mensyukuri dan

Membuat perubahan untuk mencapai kejayaan

terus-menerus memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan ini akan sentiasa berkekalan dengan memperbanyak zikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41-43 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman".

Kehadiran Tahun Baharu ini adalah waktu yang sangat sesuai untuk kita semua membuat perubahan. Kita hidup di dunia ini sememangnya menginginkan kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Justeru, untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan tersebut, kita mestilah berani membuat perubahan dalam kehidupan. Perubahan merupakan satu penghijrahan atau peralihan iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik.

Ketahuilah, untuk membuat perubahan tersebut adalah bergantung kepada diri kita sendiri, dalam erti kata lain kita tidak perlu menunggu orang lain untuk mengubah diri kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpakan) keburukan (azab)

kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripada-Nya".

Mempunyai azam dan cita-cita merupakan suatu perkara yang mesti ada pada diri seseorang kerana ia merupakan satu motivasi dan pendorong untuk kita melakukan sesuatu perkara ataupun pekerjaan ke arah dan ke tahap yang lebih baik lagi. Lebih-lebih lagi pada masa ini para pelajar atau murid baru memulakan musim persekolahan.

Oleh itu, para pelajar sudah setentunya mempunyai azam untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan berjaya, begitu juga para pendidik atau guru meningkatkan keazaman untuk mendidik anak bangsa supaya menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Manakala para pekerja pula hendaklah berazam meningkatkan daya usaha, kualiti dan produktiviti kerja mereka dari masa ke masa. Sesungguhnya semua tekad dan azam ini bertujuan untuk menjadikan kita insan yang lebih baik, lebih beriman dan lebih bertakwa.

Dalam konsep perubahan ini, agama Islam menganjurkan umatnya untuk berubah dari segi rohani dan jasmani ke arah yang lebih baik. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaih Wasallam adalah teladan yang terbaik bagi seluruh manusia untuk diikuti dalam semua aspek kehidupan seperti dari sudut ketaatan dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, akhlak, sikap dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi yang mengharapkan (kredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah".

Setiap masa yang berlalu di dalam

hidup kita akan menjadi sejarah dan saksi atas segala perbuatan yang telah kita lakukan sebagai satu pengalaman yang mendewasakan dan mematangkan fikiran kita. Jadikanlah ia sebagai satu wadah untuk lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, mulakanlah hari ini dengan jiwa yang bersih dan penuh semangat agar diberi kemudahan dan kesempatan untuk menambah dan meningkatkan ibadah serta amal kebajikan. Jika kita tergelincir dalam kemungkaran dan kemaksiatan, maka segeralah kita kembali ke pangkal jalan memohon keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jadikanlah ia sebagai satu titik permulaan dan perubahan untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan. Kita perbaiki hubungan kita dengan Allah, kita berusaha memperbaiki posisi dalam kehidupan dengan mempergunakan waktu dan kesempatan sebaik-baiknya, terus mempunyai semangat dan harapan dalam perjuangan mengatur masa hadapan yang lebih cerah. Jangan sekali kita menyia-nyiakan kesempatan atau menangguh serta melewatkkan waktu melakukan amal kebajikan. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita beroleh keberuntungan, kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapat di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasulnya kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". (Surah An-Nisa, ayat 100)

Pendaftaran Peperiksaan BC GCE 'O', 'AS', 'A', IGCSE dibuka

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan membuka pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge (BC) GCE 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2024 bermula

pada Khamis, 4 Januari 2024 hingga Khamis, 15 Februari 2023.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat

di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan (Blok C Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan Lama, Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, sebelah petang mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Keterangan lanjut bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 1/2024. Borang pendaftaran juga boleh dimuat turun, mata pelajaran yang ditawarkan dan surat pemberitahuan dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, melalui Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat dari Khamis, 15 Februari 2024.



سوره هنجای قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK \$10,000 DAN PENJARA SELAMA 2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.





Membuat PERUBAHAN Untuk Mencapai KEJAYAAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 23 Jamadilakhir 1445H/ 5 Januari 2024M

Tahun Baru



Waktu yang
sangat sesuai
untuk membuat
perubahan

Bagaimana untuk membuat perubahan?

Kita hendaklah:

1. Berani untuk membuat perubahan
2. Berubah dari segi rohani dan jasmani ke arah yang lebih baik
3. Bergantung kepada diri sendiri, tidak perlu menunggu orang lain untuk mengubah diri kita

4. Mempunyai azam dan cita-cita, sebagai contoh bagi para:




Pelajar: untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan berjaya



Pendidik/guru: untuk mendidik anak bangsa supaya menjadi orang berguna kepada agama, bangsa dan negara



Pekerja: Meningkatkan daya usaha, kualiti dan produktiviti kerja dari masa ke masa



Apa yang boleh kita buat?



- Perbaiki hubungan kita dengan Allah SWT
- Perbaiki posisi dalam kehidupan dengan mempergunakan waktu dan kesempatan sebaik-baiknya
- Terus mempunyai semangat dan harapan dalam perjuangan mengatur masa hadapan yang lebih cerah
- Jangan sia-siakan kesempatan/menangguh/melewatkhan waktu melakukan amal kebajikan.

دعاء ممohen كقد الله سقايي قرسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس فياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا فُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعَرَةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطَفِيفٍ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضُ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَغْصَبُ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى بِهِ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaihlah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدُنُوبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الدُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا کبرا ونتوغن ساعثت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

PERINGATAN PENTING

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sal transkrip dan pengiktirafan Mfisi Keharguan Pengiktirafan Kelulusan (MFKOK) yang berkenaan
- 4 Tandakan “✓” pada kotak semak “Jawatan Sekarang” di dalam ruangan “Pengalaman Kerja Kerajaan”
- 5 Lengkapkan Maklumat (Bursa / pekerjaan / Pejabat Perkhidmatan Awam / Ibadah-Ibadah / kelebihan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)



+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tulup Permohonan
1.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2023/DEC/14	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7(A)	13 JANUARI 2024
2.	PEGAWAI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2023/DEC/16	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	13 JANUARI 2024
3.	PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2023/DEC/13	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	13 JANUARI 2024
4.	PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2023/DEC/11	JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	7(A)	13 JANUARI 2024
5.	PELATIH PEMBANTU TEKNIK D.1-2 (BAHAGIAN IV) 2023/DEC/10	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	03	7(A)	13 JANUARI 2024
	PENGHANTAR SAMAN E.1-2 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/DEC/08	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	13 JANUARI 2024
	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE C / KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/DEC/09	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	38(A)	13 JANUARI 2024
	PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/DEC/12	JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(A)	13 JANUARI 2024
	KETUA PEGAWAI IMIGRESEN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/DEC/15	JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	38(B)	13 JANUARI 2024

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD: SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



1. Bilangan Tawaran :
(185) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Supply and Installation Of Stainless Steel Bollards and G.I Pipe Bollards At Playground, Youth Hub and Annex (Zone C), Hassanal Bolkiah National Stadium

2. Bilangan Tawaran :
(186) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Supply and Install Of New Split Air-Conditioning Unit and Repair Works At Pusat Belia Daerah Tutong, Ministry Of Culture, Youth and Sports, Brunei Darussalam



3. Bilangan Tawaran :
(187) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Urgent Works to Replace and Repair Existing Pumps At Batu Apoi Swimming Pool, Kompleks Sukan Batu Apoi

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
18 Januari 2024



Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01 (Kejuruteraan Awam)

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 20 / 2023

Nama Projek :
Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasи Bagi Jalan-Jalan Zon 6 & 7, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
6 Disember 2023

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Tidak lewat Selasa, 26 Disember 2023. Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 2 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang



Tawaran Terbuka Bagi Joint Publishing Project For Brunei Darussalam Secondary English Textbooks and Teacher's Resource Package For Year 7

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 79 / 2023 / 2024 (JKP-DIS-2023)

Keterangan:
Projek Penerbitan Usaha Sama (Menerbit, Mencetak, Membekal dan Menghantar) 'Brunei Darussalam Secondary English Textbooks and Teacher's Resource Package For Year 7' ke Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan, Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Tawaran:
BND35.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Penerimaan Wang Bayaran Yuran Tawaran dan Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Sabtu, 20 Januari 2024

Tarikh Taklimat 'Information Day'
Kepada Penender:
22 Januari 2024,
Isnin,
Jam 3.15 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran dan Waktu:
Selasa,
20 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



Tawaran Terbuka Bagi Joint Publishing Project For Brunei Darussalam Secondary Mathematics Textbooks and Teacher's Resource Package For Year 7

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 78 / 2023 / 2024 (JKP-DIS-2023)

Keterangan:
Projek Penerbitan Usaha Sama (Menerbit, Mencetak, Membekal dan Menghantar) 'Brunei Darussalam Secondary Mathematics Textbooks and Teacher's Resource Package For Year 7' ke Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan, Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Tawaran:
BND35.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Penerimaan Wang Bayaran Yuran Tawaran dan Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Sabtu,
20 Januari 2024

Tarikh Taklimat 'Information Day'
Kepada Penender:
22 Januari 2024,
Isnin,
Jam 3.15 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran dan Waktu:
Selasa,
20 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran Kastam dan Tajuk Tawaran

Bil. 35 / 2023
Tawaran Bagi Perkhidmatan Penggantian Atap Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat Selasa
23 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang

Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Jabatan Belia Dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis
18 Januari 2024,



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
08 / DEC / 2023 / KKBS / HSSE / SECURITY / GV

Tajuk Sebut Harga :



Tidak lewat jam
2.00 Petang.



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
RTB / 05 / 2023

Tajuk Tawaran :
Cleaning Services At Radio
Television Brunei Broadcasting
Complex Sungai Akar For A Period
Of Three (3) Years

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 Januari 2024
(2.00 Petang)



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Tawaran :
Request For Information (RFI)
bagi Industrial Animal Repellent
Services for Department of
Electrical Services

Tarikh Tutup :
Sabtu,
27 Januari 2024,
sebelum jam 9.00 Pagi.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Makluman Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan



JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 56 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar Toner
Cartridge

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 57 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar
Peralatan Perabot Elektrik

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 58 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Lampu Elektrik Dan Aksesoris

Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 59 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar LED
Solar Floodlight

5. Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 60 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Folding Chair With Writing Board

6. Bilangan Tawaran :
JBP / TSH / 61 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Peralatan Kipas Angin Elektrik

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
18 Januari 2024
(1.50 Petang)



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
"Repair Works At House No.6,
Flat F Kg. Sabun, Department Of
Fisheries"

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 18 Januari 2024
(2.00 Petang)



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-004 (05-2023)

Tajuk Tawaran:
Re-Quotation : Kontrak Penggal
(2) Tahun (2024-2026) Bagi
Penyediaan Dan Penyajian Makan / Minum (Katering) Untuk Pegawai,
Kakitangan Dan Peserta Yang
Mengikuti Pelbagai Program
Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bayaran Yuran Tawaran:
Khamis 11 Januari 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
AUD / PKTM / Q&T / 2023-2024 /
18

Membeli Peralatan Toner Bagi
Mesin Pencetak Brother HL-L2370DN dan HL-L2385DW

Mesin Pencetak:
Brother HL-L2370DN

Keterangan Perbekalan:
Toner

Parts Number :
TN-2484 (Yield: 4,500 pages)

Unit Diperlukan : 28

2. Mesin Pencetak :
Brother HL-L2385DW

Keterangan Perbekalan:
Toner

Parts Number :
TN-2484 (Yield: 4,500 pages)

Unit Diperlukan : 28

Jumlah Keseluruhan : 56

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa, 23 Januari 2024
(2.00 Petang)



JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :

JBP / TSH / 62 / 2023-2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menghantar
Rover Ride On Mower Raider Dan
Towing Type Lawn Roller

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup / Jam:

Khamis
18 Januari 2024
1.50 Petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam
Bil. 34 / 2023

Tawaran Bagi Menyewakan Mesin
Layan Diri (Vending Machine)

Kepada Ibu Pejabat Jabatan
Kastam Dan Eksais Diraja,
Jalan Menteri Besar Dan
Cawangan Anggerek Desa,
Jabatan Kastam Dan Eksais
Diraja, Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi, Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
16 Januari 2024
Jam 2.00 Petang



Kementerian Pembangunan Di

Kelas:
II, IV & V

Kategori :
KPME05

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga :

9 Januari 2029,
(Selasa)
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 37 / 2023

Nama Projek :
Penggantian Halon
1301 Extinguisher
System Bagi Bangunan
Undang-Undang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk dan Bilangan Tawaran:
Maintenance Service Contract -
Philips NEC PABX System For
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2023 / SH-14


Tarikh iklan / mengambil dokumen
Sebut Harga :
3 Januari 2024, Rabu

Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga :
16 Januari 2024, Selasa

Tarikh tutup Sebut Harga :
17 Januari 2024, Rabu
(tidak lewat jam
2.00 Petang)



EKONOMI NEGARA Q3 2023 CATAT PERTUMBUHAN POSITIF



Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Januari. - Ekonomi negara bagi suku ketiga (Q3) 2023 mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.7 peratus berikutan peningkatan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.7 peratus.

Ini adalah disumbangkan oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia 22.3 peratus, Perhubungan 11.5 peratus, dan Kewangan 10.1 peratus.

Menurut siaran media Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, peningkatan bagi Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia adalah

terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran produk petrokimia, metanol dan baja urea.

Manakala peningkatan bagi Subsektor Perhubungan adalah selaras dengan peningkatan jumlah pengguna telefon bimbit dan pelanggan internet. Peningkatan bagi Subsektor Kewangan pula adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan dan insurans.

Sektor Minyak dan Gas telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.7 peratus, berikutan penurunan pengeluaran gas asli dan gas cecair asli (LNG).

Sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang

menyumbang sebanyak 59.7 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 39.1 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.2 peratus.

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q3 2023 adalah sebanyak BND5.0 bilion berbanding BND5.8 bilion pada Q3 2022.

Sektor Bukan Minyak dan Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 56.6 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA).

Sementara itu, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG menyumbang sebanyak 43.4 peratus daripada jumlah GVA.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q3 2023 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan sebanyak 19.9 peratus berikutan penurunan Import Barang dan Perkhidmatan.

Ini diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 5.8 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 5.3 peratus dan 3.0 peratus. (Rujuk rajah B)

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

	Q3 2022	Q3 2023	Pertumbuhan
	BND Juta	%	
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,090.1	1,057.4	-3.0
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,411.9	1,494.3	5.8
Pembentukan Modal Kasar	1,646.9	1,560.2	-5.3
Eksport Bersih Barang dan Perkhidmatan	634.3	760.8	19.9
Eksport Barang dan Perkhidmatan	3,873.1	3,831.8	-1.1
Import Barang dan Perkhidmatan	3,238.8	3,071.0	-5.2
KDNK	4,632.0	4,664.4	0.7

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan

yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q3 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.



Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas, dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 tahun dan ke atas, dan
2. Tidak pernah menghadapi kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50 tahun dan ke atas, dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 30 tahun dan ke atas, dan
2. Pernah melakukan hubungan sekuad; dan
3. Tidak pernah menghadapi kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



Bantu kesan Aan Indiani

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Khamis, 4 Januari.

- Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja dipercayai telah lari daripada majikan.

Menurut kenyataan berkenaan, pekerja tersebut ialah warganegara Indonesia iaitu Aan Indiani, berumur 25 tahun dengan nombor pasport C8943297. Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia, Aan Indiani, berumur 25 tahun dipercayai lari daripada majikan.

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL PEGAWAI KADET LELAKI DAN WANITA PENGAMBILAN KE-24 SIRI 01/2024 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Hari Selasa, 02 Januari 2024 bermula jam 0730 pagi hingga Hari Khamis, 18 Januari 2024 jam 1630 petang.

Pendaftaran secara atas talian (*online*) ke laman sesawang <http://www.mindef.gov.bn>. Tekan dibahagian Career dan seterusnya menekan dibahagian Officer Recruitment untuk mengikuti butiran tatacara selanjutnya.

Pendaftaran yang lengkap hendaklah dihantar ke emel Bahagian Proses Pengambilan Pegawai Kadet di RO.OCS@mindef.gov.bn dengan menggunakan emel perseorangan yang aktif. Sebarang makluman, maklum balas ataupun keputusan pemeriksaan akan dihubungi melalui emel perseorangan masing-masing.

18 tahun hingga 28 tahun (tidak melebihi 28 tahun 0 bulan 0 hari) dan 18 tahun hingga 35 tahun (tidak melebihi 35 tahun 0 bulan dan 0 hari) bagi pemohon berstatus Professionally Qualified Officer pada 09 September 2024.

Sila hubungi Pejabat Pengambilan Jabatanrahan Keanggotaan, Bolkiah Garison di talian 2386898 untuk keterangan lanjut.

Unit Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan

www.mindef.gov.bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



جوالن سالین کهبر ۲ دیگنیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **Iaman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

ALUMNI UNISSA ANJUR MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN

MESYUARAT Agung Dwitahunan Alumni UNISSA anjuran Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni (JKEPA) UNISSA 2021 / 2023 dipengerusikan oleh Awang Haji Muhammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi selaku Yang Di-Pertua JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Januari. - Seramai 33 Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menghadiri secara fizikal dan maya Mesyuarat Agung Dwitahunan Alumni UNISSA anjuran Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni (JKEPA) UNISSA 2021 / 2023 bertempat di Bilik Pusat Latihan L1.3, UNISSA, baru-baru ini.

Mesyuarat Agung ini antaranya bertujuan bagi membuat pengundian kepada pencalonan baharu sekali gus melantik Ahli Jawatankuasa JKEPA UNISSA Sesi 2023 / 2025 serta pembubaran Ahli JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Awang Hamzah bin Haji Jali selaku Ketua Unit Tarbiyah, Persatuan Alumni UNISSA bagi

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Sesi 2021 / 2023.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Awang Haji Muhammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi selaku Yang Di-Pertua (YDP) JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023 dan dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023 yang lain dan Ahli-ahli Alumni UNISSA.

Mesyuarat Agung dimulakan dengan ucapan ringkas daripada YDP bagi memberikan sedikit

pengenalan mengenai Persatuan Alumni UNISSA. Seterusnya pembentangan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan belanjawan oleh JKEPA UNISSA sepanjang dua tahun yang disampaikan oleh Awang Md. Hisyamuddin bin Mohamad Ali selaku Setiausaha JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023 dan Awang Ahmad Hassanul Fikri bin Asmalle selaku Bendahari JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023.

Majlis diteruskan dengan

pengundian calon-calon yang terpilih oleh warga alumni untuk dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni UNISSA 2023 / 2025. Hasil undian telah menobatkan Dr. Md. Yadi bin Haji Mat Yassin, Alumni Tahun 2018 dan 2023 sebagai YDP JKEPA UNISSA Sesi 2023 / 2025, Awang Haji Md. Ifwat bin Haji Md. Jane, Alumni Tahun 2023 sebagai Naib YDP 1 manakala Dayang Nazihatal Afifah binti Haji Abd. Hamid, Alumni Tahun 2019 sebagai Naib YDP 2.

Sebagai penutup, YDP JKEPA

UNISSA Sesi 2021 / 2023 telah mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli JKEPA UNISSA yang baharu dan berharap agar generasi seterusnya akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi dengan baik dan jayanya. YDP juga merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli JKEPA UNISSA Sesi 2021 / 2023 atas menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberi sepanjang dua tahun memegang jawatan di Persatuan Alumni UNISSA.

Bantu, dorong anak sifat pemalu jadi berani

■ Oleh : Aimi Sani

MENTIRI, Rabu, 3 Januari. - Sifat pemalu merupakan sikap dapat membuat seseorang menjadi gugup atau berasa khutair saat berinteraksi dengan orang baharu.

Sifat pemalu cenderung kepada perasaan rendah diri, di mana perasaan malu dan rendah diri merupakan suatu perasaan yang dapat membatasi pergaulan. Ini suatu perkara yang normal terjadi pada anak-anak, namun ia akan hilang seiring dengan waktu namun ada juga yang tetap memiliki sifat ini sampai dewasa.

Dalam halini, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu membentuk identiti anak-anak mereka. Ibu bapa harus memberikan perhatian kerana ia dapat meningkatkan rasa kepercayaan diri dan berasa sangat dihargai.

Selain itu juga, antara cara memotivasi anak agar percaya diri adalah dengan memberikan mereka rasa empati. Sebagai contoh jika anak berasa takut, malu atau tidak percaya diri ketika membuat pembentangan projek kelas di hadapan rakan-rakan, ibu bapa

dapat mengongsikan pengalaman mereka suatu ketika dahulu pernah merasai hal yang sama ketika berhadapan dengan orang ramai sewaktu zaman persekolahan serta turut mengajarkan cara melawan ketakutan tersebut.

Memberikan pujian atas usaha anak tersebut juga merupakan salah satu cara yang dapat membantu mereka untuk yakin dengan diri sendiri di samping turut membantu anak untuk berinteraksi dan bersosialisasi mengikut batas agar dapat membuang rasa malu mereka ketika berhadapan dengan orang baharu.

Salah satu cara ibu bapa dalam membentuk karakter anak adalah dengan membangun rasa percaya diri pada anak dengan cara menjadi pendengar yang baik bagi anak, menunjukkan rasa hormat dan mendorong anak untuk menyelesaikan masalah secara bersama dan membantunya mencari cara yang tepat untuk mengatasi masalah tersebut.

Sifat pemalu pada anak hanya bersifat sementara, jadi ibu bapa harus memberikan dukungan dan bantuan untuk anak agar mahu mengubah sifat pemalunya



JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Penuh Senarai Iklan		KELAYAKAN MINIMUM:	
Bilangan Iklan	2022/AUG/33	Bahagian	II
Jawatan	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tangga Gaji	B.2 EB.3
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	Kekosongan	1
Jabatan	PUTUS SEJARAH BRUNEI	Jenis Iklan	7(A)
Unit		Tarikh Mula	05 SEPTEMBER 2022
		Tarikh Tutup	19 SEPTEMBER 2022

SKIM IKLAN

The image shows a magnifying glass focusing on a document titled "SKIM IKLAN". The document has sections like "iklan (Bilangan kosong)", "IMAMTINGKAT IV", "PEGAWAI SANITIK", "PENGARAH PELUKIS", and "Ujian Kom". To the right of the magnifying glass, there is explanatory text about the requirements for the advertised posts.

INFO Teknologi



Fleksibiliti dalam mengurus pelan perkhidmatan rangkaian mudah alih dengan eSIM

Pendahuluan

ESIM ialah kad SIM versi digital yang telah dibina dalam peranti mudah alih dan berfungsi sama seperti kad SIM fizikal. Ia membolehkan pengguna menyambung ke rangkaian mudah alih dan mengaktifkan pelan selular tanpa kad SIM fizikal kerana maklumat yang diperlukan akan sudah disimpan dan diprogram ke dalam eSIM. Ia boleh di program dari jauh melalui perisian ataupun software dan dibina dalam model telefon pintar yang lebih baharu. Ini bermakna pengguna tidak perlu membeli kad SIM baharu jika mereka ingin menukar telefon atau pengangkut tanpa wajib.

Konsep eSIM diwujudkan sekitar tahun 2010, dengan usaha penyeragaman yang diketuai oleh Persatuan GSM (GSMA). Persatuan GSMA memperkenalkan spesifikasi pertama teknologi eSIM pada 2013. Walau bagaimanapun, penggunaan meluas dan penyepaduan eSIM ke dalam peranti pengguna mula mendapat momentum pada tahun-tahun berikutnya, dengan pelbagai peranti dan pengangkut menyokong teknologi ini.

Pada masa ini banyak pengendali rangkaian mudah alih di seluruh dunia menyokong teknologi eSIM. Walau bagaimanapun ketersediaan sokongan perkhidmatan eSIM, mungkin berbeza mengikut wilayah dan

syarikat pengendali. Di negara-negara yang sudah ada perkhidmatan eSIM, pengendali di negara-negara tersebut akan menawarkan sokongan eSIM untuk peranti yang serasi. Pengguna dinasihatkan untuk memastikan dengan syarikat pengendali perkhidmatan rangkaian mudah alih pilihan mereka untuk mengesahkan sama ada mereka menyokong penggunaan eSIM dan juga untuk mendapatkan butiran tentang cara mengaktifikannya dan sama ada peranti yang digunakan menyokong teknologi eSIM.

Beza di antara eSIM dan kad SIM fizikal

eSIM dan kad SIM fizikal mempunyai fungsi asas yang sama iaitu untuk mengenal pasti dan menyambungkan peranti ke rangkaian mudah alih. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di antara kedua-dua jenis kad SIM. Perbezaan pertama adalah dari segi bentuk. Kad SIM fizikal merupakan kad kecil dengan cip bina dalam yang boleh dikeluarkan atau dimasukkan ke dalam slot khusus peranti pengguna. Manakala, eSIM adalah cip yang dibina dalam peranti yang tidak boleh ditanggalkan.

Perbezaan kedua adalah dari segi cara pengaktifan. Kad SIM fizikal selalunya memerlukan pengaktifan manual manakala eSIM pula, pengaktifan

biasanya dilakukan secara elektronik, sama ada dengan mengimbas kod QR atau melalui aplikasi yang disediakan oleh pengendali. Perbezaan seterusnya adalah aspek fleksibiliti. Pengguna akan memerlukan kad SIM fizikal baharu apabila mereka menukar pengendali rangkaian mudah alih atau pelan manakala eSIM boleh diprogram semula secara digital, membolehkan lebih fleksibiliti dalam menukar pengendali atau pelan tanpa memerlukan kad fizikal baharu.

Perbezaan-perbezaan yang lain adalah dari segi penyimpanan data dan penggunaan ruang dalam peranti. Kad SIM fizikal memegang data secara fizikal manakala eSIM, data disimpan dengan cara memprogram data ke dalam cip terbenam ataupun *embedded*. Kad SIM fizikal mengambil ruang fizikal dalam peranti manakala eSIM tidak memerlukan slot kad fizikal kerana ia telah dibina dalam peranti. Secara keseluruhan, eSIM menawarkan fleksibiliti dan kemudahan yang lebih besar, terutamanya untuk peranti dengan ruang fizikal yang terhad atau untuk pengguna yang kerap menukar pengendali rangkaian mudah alih atau pelan.

eSIM tidak selalunya memerlukan internet. Sambungan internet hanya diperlukan pada awalnya iaitu untuk mengaktifkan eSIM dan menyambung peranti yang digunakan ke rangkaian yang ada. Setelah pengaktifan, eSIM boleh berfungsi tanpa sambungan internet, sama seperti kad SIM tradisional.

Pengehadan eSIM

Walaupun teknologi eSIM menawarkan banyak kelebihan, terdapat beberapa

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Nurhamiza Haji Roslan, Ihsan
Freepik

pengehadan eSIM untuk dipertimbangkan. Pertama sekali adalah keserasian peranti yang digunakan. Tidak semua peranti menyokong teknologi eSIM. Peranti lama atau daripada pengeluar tertentu mungkin tidak mempunyai keupayaan eSIM. Perlu dipertimbangkan juga adalah ketersediaan teknologi eSIM apabila hendak menggunakan di luar negara. Mungkin pengendali rangkaian mudah alih dalam negeri menyokong teknologi eSIM akan tetapi apabila hendak membawanya keluar negara, pengendali rangkaian mudah alih di negara yang di tuju itu menyokong teknologi eSIM. Ketersediaan mungkin juga akan berbeza mengikut wilayah dan syarikat pengendali.

Terdapat banyak peranti mudah alih yang mempunyai dwi slot akan tetapi sesetengah peranti mudah alih yang menyokong teknologi eSIM mungkin hanya menawarkan satu slot SIM dan mungkin akan mengehadkan keupayaan untuk menggunakan dua kad SIM secara serentak. Proses pengaktifan untuk eSIM mungkin tidak semudah proses pengaktifan kad SIM fizikal di mana pengguna hanya perlu memasukkan kad SIM fizikal ke dalam slot tersedia. Pengguna mungkin perlu mengimbas kod QR atau menggunakan aplikasi tertentu untuk mengaktifkan eSIM mereka.

Walaupun eSIM secara umum dianggap selamat hakikatnya adalah apapun teknologi yang digunakan akan ada kelemahannya di mana akan ada risiko atau kemungkinan berlakunya pelanggaran keselamatan sekuriti. Sesetengah pengguna mungkin juga akan menghadapi cabaran dalam menggunakan eSIM dalam percubaan untuk menggunakan ciri perayauan global, kerana sokongan eSIM akan berbeza mengikut negara dan wilayah.





Perhiasan Perkahwinan Diraja tampil kehalusan, keunikan Perkahwinan Diraja Brunei

ADAT Istiadat Perkahwinan Diraja yang dipusakai turun-temurun adalah satu istiadat yang menjadi asas kepada istiadat perkahwinan bangsa Brunei dan dijadikan sebagai lunas kebudayaan yang dicontohi dan dijadikan sukat-sukat setakat mana yang patut diikut oleh rakyat, tetapi tidak boleh melebihi adat yang dijalankan oleh pihak diraja. Dari segi pakaian semasa istiadat perkahwinan pula, negara kita Brunei Darussalam mempunyai warisan tersendiri yang sudah diperaktikkan dari zaman dahulu kala lagi, iaitu dari segi perhiasan yang digunakan oleh bakal Pengantin Diraja lelaki mahupun perempuan di mana segala perhiasan ini dibolehkan memakai semasa menjalani istiadat perkahwinan dan setiap perhiasan tersebut bukanlah digunakan sembarangan kerana ia hanya digunakan pada bahagian-bahagian tertentu.

Alat-Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja

Tajok

Tajok adalah Alat Perhiasan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja.

Letaknya di atas kepala iaitu di atas rambut yang sudah disanggul. Bentuknya berbunga tiga ringkat pada kiri dan kanan serta dijalin dengan kain hitam untuk melilit rambut pada lingkaran tengahnya.

Karang Tembusa

Karang Tembusa adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas dan permata. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Letaknya di atas kepala pada bahagian tenguk yang disambungkan dengan melor yang berbintil-bintil dililit pada rambut dan Tajok untuk menguatkan lagi kedudukan Tajok di atas kepala.

Ayam-Ayam Bernaga

Ayam-Ayam Bernaga adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Letaknya di atas Tajok dan diikat dengan kain hitam atau rambut supaya tidak gugur.

Sisir

Sisir adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Alat perhiasan ini disusupkan pada rambut dan letaknya terkebahaw sedikit daripada Tajok.

Bunga Goyang

Bunga Goyang adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Letaknya di antara Sisir dengan bunga melor yang dicucuk dengan benang dan dililit ke kepala membawa kepada bahagian bawah tenguk (di bawah Karang Tembusa).

Serbang

Serbang adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Alat ini diletakkan di atas dahi.

Gagatar

Gagatar adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Letaknya pada bahagian bawah tenguk yang diikat bersambung dengan Serbang.

Kanching

Kanching adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak

Diraja. Letaknya di bahagian leher dan dada yang merupakan liket dengan rantai yang beringkat-ringkat.

Panding

Panding adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Dan kadang-kadang dipakai ketika Istiadat Berpacar. Letaknya di bahagian pinggang untuk mengikat Kain Kapit dan Kepala Panding diletakkan betul-betul di tengah perut iaitu di bahagian hadapan Kain Kapit.

Gelang Penguluan

Gelang Penguluan adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja dan kadang-kadang ada yang memakainya sehingga menjelang hari Istiadat Perkahwinan Diraja. Dipakai pada kedua-dua belah tangan pengantin.

Gelang Geroncong

Gelang Geroncong adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang juga diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja dan Istiadat Perkahwinan Diraja. Alat perhiasan ini hanya sepasang dan dipakai pada kedua-dua belah kaki.

Puntu

Puntu adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Letaknya pada kedua-dua belah tangan.

Azimat

Azimat adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja.

Rencana & Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Letaknya pada kedua-dua belah tangan tetapi terkebahaw sedikit daripada kedudukan Puntu.

Mudapun

Mudapun adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja. Kedudukannya di atas Kanching iaitu Mudapun di atas dan Kanching di bawah.

Kopiah Berpisnin

Kopiah Berpisnin adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja, Istiadat Perkahwinan Diraja, Malam Istiadat Berambil-ambilan dan Istiadat Mulih Tiga Hari.

Keris

Keris adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang dipakai ketika Istiadat Perkahwinan Diraja. Letaknya disusupkan di Panding pada bahagian pinggang sebelah kanan.

Kuas

Kuas adalah Alat Perhiasan Perkahwinan Diraja yang diperbuat daripada emas. Dipakai ketika Istiadat Berbedak Diraja, Istiadat Perkahwinan Diraja. Letaknya di atas bahu kiri dan kanan. Bentuknya berumbai-umbai dan bertatahkan permata yang pelbagai warna.

Kesimpulan

Dengan mengenakan perhiasan yang diwarisi dari zaman ini sekali gus memberikan gambaran tentang kehalusan, keindahan Perhiasan Diraja dan kebesaran serta keunikan Adat Istiadat Diraja Brunei yang dipusakai turun-temurun khususnya dalam Istiadat Perkahwinan Diraja yang mana sekali gus memperlihatkan ketinggian nilai budaya kita di Negara Brunei Darussalam.





95 TERBUNUH DALAM LETUPAN BERKEMBAR DI IRAN

serangan dron Amerika Syarikat (AS).

Letupan pertama berlaku kira-kira 700 meter dari kubur Soleimani manakala letupan kedua dalam jarak satu kilometer dari kubur jeneral itu, Xinhua memetik Agensi Berita Iran (IRNA). Timbalan gabenor wilayah Kerman bagi hal ehwal politik dan keselamatan, Rahman Jalali mendakwa letupan itu dilakukan oleh kumpulan pengganas, lapor IRNA.

Letupan itu berlaku ketika orang ramai berkumpul di tanah perkuburan di bandar Kerman di tenggara Iran untuk memperingati ulang tahun keempat kematian Soleimani yang terbunuh dalam

Saluran berita Islamic Republic of Iran News Network berkata punca letupan masih disiasat dan pasukan penyelamat berada di tempat kejadian. Kebanyakan

Turkiye akan hantar kapal ke-4 dengan lebih 2,300 tan bantuan kemanusiaan ke Gaza

MERSIN (Turkiye), 4 Jan. - Turkiye akan menghantar 2,334 tan bantuan kemanusiaan untuk Palestin dan kapal yang membawa bantuan itu sudah bersedia untuk belayar ke Mesir, kata pihak berkuasa pengurusan bencana negara itu pada Rabu.

Bantuan yang terdiri daripada konvoi 109 trak itu akan diangkut menggunakan kapal Bestekar yang berlabuh di Pelabuhan Antarabangsa Mersin di pantai timur laut Laut Mediterranean di selatan Turkiye.

Bantuan itu disediakan dengan bantuan 29 pertubuhan bukan kerajaan dan diselaraskan oleh Presidensi Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD) dan Gabenor Mersin.

"Kami akan menghantar 2,334 tan bahan bantuan kemanusiaan, termasuk tepung, pasta, air, pes tomato, gula, khemah, selimut dan bahan kebersihan. Palestin adalah negara saudara kami. Kami sentiasa menyokong mereka," kata ketua AFAD Wilayah Mersin Cenk Yildiz kepada Agensi Berita Anadolu.

Kapal itu akan berlabuh di Pelabuhan Al-Arish Mesir sebelum bantuan disalurkan ke Palestin. Menurut pihak berkuasa kesihatan Gaza, rejim Israel telah menyerang Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lepas, membunuh sekurang-kurangnya 22,313 rakyat Palestin kebanyakannya wanita dan kanak-kanak selain mencederakan 57,296 yang lain.

Serangan itu turut mengakibatkan kebanyakan penduduk di wilayah yang berjumlah lebih 2.2 juta itu kehilangan tempat tinggal dan kekurangan makanan serta keperluan asas. - ©BERNAMA

Korban gempa bumi di Jepun terus meningkat, 242 masih hilang

TOKYO, 5 Jan. - Angka kematian akibat gempa bumi di wilayah Ishikawa di tengah Jepun meningkat kepada 92 orang dengan jumlah penduduk yang tidak dapat dikesan melebihi 200 orang, empat hari selepas beberapa siri gempa bumi berukuran 7.6 pada skala Richter melanda wilayah itu dan kawasan sekitarnya.

Perkembangan itu mencetuskan kebimbangan akan peningkatan tahap kerosakan di wilayah berkenaan, lapor Xinhua.

Setakat 9 pagi waktu tempatan pada Jumaat, seramai 242 penduduk dilaporkan hilang di Ishikawa, lapor Agensi Berita Kyodo.

Bandar pesisir pantai Wajima yang paling teruk terjejas melaporkan lebih 40 kes mangsa tertimbus dan terperangkap di bawah runtuh.

Pasukan Pertahanan Diri Jepun telah memperhebat usaha menyelamat dengan penglibatan seramai 4,600 anggota yang bekerjasama dengan polis dan Jabatan Bomba.

Kawasan seluas kira-kira 48,000 meter persegi, bersamaan dengan saiz 4.5 padang bola, musnah selepas kebakaran besar berlaku di tengah Wajima semasa gempa bumi, lapor Kyodo, memetik anggaran terkini daripada Pihak Berkuasa Maklumat Geospatial Jepun.

Penghantaran bekalan penting berdepan kesukaran apabila lebih 10 lokasi mengalami penutupan jalan akibat tanah runtuh.

Selain itu lebih 700 orang masih terkandas di komuniti terpencil di wilayah berkenaan.

Infrastruktur di wilayah Ishikawa juga mengalami kerosakan teruk dengan kira-kira 30,000 isi rumah mengalami gangguan bekalan elektrik manakala 80,000 isi rumah di 13 bandar dan pekan mengalami gangguan bekalan air.

Sementara itu, kira-kira 33,000 orang masih berada di 370 pusat pemindahan di Ishikawa dengan isu berkaitan sanitasi, termasuk akses ke tandas menjadi kebimbangan utama penduduk terjejas. - ©BERNAMA

mangsa yang cedera disebabkan oleh keadaan berasak-aspak dan panik. Kerajaan Iran telah mengisyiharkan Khamis sebagai hari berkabung negara.

Susulan insiden terbaru itu, Pemimpin Tertinggi Iran Ali Khamenei berkata penyerang akan berdepan tindak balas yang keras Tehran. Presiden Iran Ebrahim Raisi berkata: "Tidak diragui, pelaku dan pemimpin tindakan pengecut ini akan segera dikenal pasti dan dihukum." Pegawai AS, sementara itu menafikan sebarang andaian bahawa ia atau sekutunya Israel terlibat dalam letupan berkenaan.

"Amerika Syarikat tidak terlibat dengan cara apa pun. Dan andaian sebaliknya adalah tidak masuk akal. Dan kedua, kami tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Israel terlibat dalam perkara ini," kata jurucakap Jabatan Negara AS

Matthew Miller kepada wartawan pada Rabu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negara termasuk Rusia, Turkiye dan Jerman mengutuk letupan itu. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat ketua PBB, Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres mengutuk keras serangan itu dan menegaskan pihak bertanggungjawab mesti diheret ke muka pengadilan.

Dalam panggilan telefon dengan Menteri Luar Iran Hossein Amir-Abdollahian, ketua dasar luar EU Josep Borrell mengutuk sekeras-kerasnya serangan maut itu dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa serta kerajaan dan rakyat Iran selain mendoakan mangsa yang cedera pulih dengan cepat.

Menurut kenyataan Kremlin,

Presiden Rusia Vladimir Putin telah menghantar mesej kepada Khamenei dan Raisi, menyatakan bahawa Rusia mengutuk sekeras-kerasnya keganasan dalam semua bentuk dan mengesahkan komitmen untuk memeranginya.

Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan, dalam panggilan telefon dengan Raisi mengutuk letupan berkembar yang mensasarkan orang awam dan mengulangi gesaannya agar Iran bertindak bersama-sama dalam usaha memerangi keganasan.

Pejabat Erdogan berkata Raisi semasa panggilan telefon itu turut menyatakan untuk menangguhkan lawatannya ke Turkiye, yang dijadualkan pada Khamis, ke satu tarikh kemudian. Perkara itu disahkan oleh timbalan ketua kabinet presiden Iran untuk hal ehwal politik Mohammad Jamshidi. - ©BERNAMA

Ketua PBB seru semua pihak hentikan konflik susulan pembunuhan Timbalan Ketua Hamas di Lubnan

WASHINGTON, 3 Jan. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Selasa menyeru semua pihak menghentikan sebarang tindakan yang akan meningkatkan konflik ekoran pembunuhan Timbalan Ketua Kumpulan Hamas, Saleh Arouri di Lubnan, lapor Agensi Anadolu.

"Setiausaha Agung menggesa semua pihak menghentikan sebarang tindakan dan mengambil langkah segera meredakan

ketegangan di rantau itu," kata jurucakap PBB, Florencia Soto Nino pada sidang media.

PBB merayu kepada semua anggota masyarakat antarabangsa untuk melakukan segala yang terdaya bagi mencegah peningkatan konflik, kata Nino. "Kami tidak mau sebarang tindakan terburu-buru yang boleh mencetuskan keganasan selanjutnya," kata beliau.

Arouri dilaporkan terbunuh dalam serangan dron Israel ke atas pejabat Hamas di Mecherfeh, selatan

Beirut. Sekurang-kurangnya enam orang terbunuh dalam serangan itu. Kumpulan Palestin itu mengesahkan Arouri dan dua komander sayap Briged Qassam maut dalam serangan terbabit.

Arouri merupakan pemimpin tertinggi Hamas yang dibunuh Israel sejak tercetusnya konflik 7 Okt lepas di Gaza. Sekurang-kurangnya 22,185 rakyat Palestin telah terbunuh dan 57,035 cedera setakat ini, menurut pihak berkuasa kesihatan Gaza. - ©BERNAMA

Jordan terus gugur bantuan perubatan ke Hospital Medan di Gaza

GAZA, 5 Jan. - Tentera Jordan menghantar bekalan perubatan kecemasan ke Hospital Sahara Jordan di Gaza dengan payung terjun pada Khamis.

Tentera Jordan mempunyai dua hospital medan di Semenanjung Gaza - satu di bandar raya Gaza, ditubuhkan 14 tahun lepas manakala kemudahan kedua dibina pada bulan lepas di selatan wilayah itu, lapor Agensi Anadolu.

Pesawat Tentera Udara

Jordan sebelum ini pernah menggugurkan bantuan perubatan ke hospital medannya di Gaza bagi memastikan kelangsungan operasi hospital selain terus menyampaikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk Gaza.

Jordan mula menggugurkan bantuan perubatan menggunakan payung terjun (air-dropped) pada 6 Nov, diikuti yang kedua enam hari kemudian, ketiga (30 Nov), keempat

(7 Dis), kelima (15 Dis) dan keenam (21 Dis).

Israel telah melancarkan serangan udara dan darat ke atas Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lepas.

Menurut pihak berkuasa kesihatan Gaza sekurang-kurangnya 22,313 penduduk Palestine telah terbunuh manakala 57,296 lagi cedera akibat konflik antara Israel-Hamas. - ©BERNAMA

Korea Selatan catat suhu tertinggi pada 2023

SEOUL, 3 Jan. - Korea Selatan mengalami tahun paling panas dalam sejarahnya pada 2023, memecahkan rekod dicatatkan sebelum ini yang disebabkan oleh kesan pemanasan global yang meningkatkan suhu purata kepada 13.7 darjah Celcius (C) sepanjang tahun.

Peningkatan ketara suhu itu menandakan peristiwa penting, mengatasi rekod sebelum ini yang dicatatkan pada 2016 iaitu 13.4C, lapor Agensi Berita Yonhap memetik Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA). KMA juga menganggap

tahun ini sebagai titik permulaan penting untuk rekod cuaca di Korea Selatan.

Jangkaan terhadap cuaca panas yang tidak pernah berlaku sebelum ini adalah jelas memandangkan peningkatan suhu secara konsisten di seluruh negara dari Januari hingga November, dengan tempoh enam bulan disenaraikan sebagai antara 10 tempoh paling panas dalam rekod.

Malah pada bulan terakhir tahun itu, cuaca panas berterusan kecuali tempoh sejuk yang singkat pada pertengahan Disember apabila negara mengalami suhu di bawah paras beku dari 16 hingga

25 Dis.

Pada Disember, beberapa wilayah mencatatkan suhu tertinggi pada bulan itu, dengan beberapa kawasan melebihi 20C pada waktu siang pada 8 Dis. Anomali ini menyumbang kepada trend pemanasan keseluruhan dan menambah kepada statistik luar biasa bagi tahun paling panas pernah direkodkan di Korea Selatan.

Pada masa yang sama, negara itu menyaksikan peningkatan ketara dalam hujan tahunan, mencapai 1,740.3 milimeter (mm) pada 2023 iaitu paras kedua tertinggi sejak 2003. - ©BERNAMA

ZIMBABWE : TEROWONG RUNTUH, 11 PELOMBONG DIKHUATIRI TERPERANGKAP

HARARE, 5 Jan. - Sebelas penombong dikhuatiri terperangkap selepas terowong di sebuah lombong emas di Zimbabwe runtuh pada Khamis.

Menteri Pembangunan Perlombongan Soda Zhemu berkata kejadian berlaku di Redwing Mine yang terletak di Penhalonga di wilayah Manicaland.

Beliau berkata misi mencari dan menyelamat berdepan halangan berikutan pergerakan tanah yang masih berlaku.

"Seramai 11 orang disyaki

terperangkap di bawah tanah, kira-kira 20 meter di bawah permukaan. Punca runtuhan masih belum dapat dipastikan.

"Anggota penyelamat cuba

masuk ke dalam terowong namun terpaksa berundur berikutan pergerakan tanah masih dikesan," kata Zhemu.

Menurut polis, siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian, lapor Xinhua pada Jumaat.

- ©BERNAMA

25 juta rakyat Sudan perlu bantuan kemanusiaan - PBB

WASHINGTON, 5 Jan. - Ketua bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis memberi amaran mengenai penderitaan manusia yang semakin teruk di Sudan akibat konflik yang berterusan di negara itu.

"Di seluruh Sudan, hampir 25 juta penduduk akan memerlukan bantuan kemanusiaan pada 2024. Tetapi realiti yang suram ialah pertempuran

yang semakin sengit menyebabkan kebanyakan mereka berada di luar jangkauan kami.

"Apabila konflik merebak, penderitaan manusia semakin mendalam, akses kemanusiaan semakin berkurangan dan harapan (ke arah keamanan) semakin pudar. Ini tidak boleh diteruskan," menurut Martin Griffiths dalam satu kenyataan, lapor Agensi Anadolu.

Menegaskan keganasan juga menjadikan kestabilan serantau, Griffiths menggesa masyarakat antarabangsa, khususnya mereka yang mempunyai pengaruh terhadap pihak yang terlibat dalam konflik, untuk mengambil tindakan 'tegas dan segera' untuk menghentikan pertempuran dan melindungi bantuan kemanusiaan.

Beliau berkata konflik itu mencetuskan krisis kehilangan tempat tinggal terbesar di dunia, menjadikan lebih tujuh juta penduduk.

Menurut beliau kira-kira 1.4 juta daripada jumlah itu telah mlarikan diri ke negara jiran yang telah pun menempatkan pelarian dalam jumlah yang ramai.

"Bagi rakyat Sudan, 2023 adalah tahun penderitaan. Pada 2024, pihak yang terlibat dalam konflik mesti melakukan tiga perkara untuk menamatkannya - melindungi

orang awam, memudahkan akses kemanusiaan dan menghentikan pertempuran serta-merta."

Sudan telah terperangkap dalam konflik antara tentera Sudan dan kumpulan separa tentera Rapid Support Forces (RSF) yang mengakibatkan sekurang-kurangnya 12,260 penduduk terbunuh manakala lebih 33,000 lagi cedera.

Beberapa perjanjian gencatan senjata yang ditaja oleh Arab Saudi dan Amerika Syarikat telah gagal menghentikan keganasan itu.

- ©BERNAMA

Singapura hadapi cuaca lebih ekstrem berikutan perubahan cuaca - Laporan

SINGAPURA, 5 Jan. - Singapura yang kini mengalami cuaca panas terik, hujan lebat dan peningkatan paras laut akan berhadapan cuaca yang lebih buruk jika perubahan iklim semakin teruk, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan Iklim Singapura pada Jumaat.

"Kajian ketiga Perubahan Iklim Kebangsaan" Singapura menunjukkan bahawa republik itu dijangka menjadi lebih panas dengan purata suhu tahunan meningkat kepada 0.55 darjah Celsius setiap dekad menjelang akhir abad ini di bawah senario

pelepasan tinggi, lapor Xinhua.

Purata suhu tahunan Singapura meningkat pada kadar 0.24 darjah Celsius setiap dekad dalam tempoh 40 tahun lepas, menurut laporan itu.

Mengambil kira hujan yang sentiasa berubah-ubah pada skala bermusim, laporan itu memberi amaran bahawa hujan akan menjadi semakin tidak seimbang akibat perubahan iklim yang teruk.

Menyifatkan kenaikan paras laut sebagai cabaran utama bagi Singapura di tengah-tengah perubahan iklim, laporan itu menyebut bahawa purata paras

laut di sekitar negara itu diunjurkan meningkat sebanyak 0.23 hingga 1.15 meter menjelang akhir abad dan sehingga sekitar dua meter menjelang 2150.

Pihak berkuasa Singapura berkata ia akan berkongsi data laporan itu dengan anggota ASEAN dan menggalakkan perkongsian data dengan entiti antarabangsa dan komuniti saintifik secara lebih meluas untuk melaksanakan penyelidikan bersama.

Singapura komited untuk mencapai sifar bersih menjelang 2050 untuk menangani perubahan iklim. - ©BERNAMA

Indonesia : Kereta api bertembung di Bandung, 4 pekerja maut

BANDUNG, 5 Jan. - Empat pekerja kereta api maut dan lebih 20 penumpang cedera apabila tren jarak jauh Turangga Train dan tren komuter tempatan Tren Bandung Raya bertembung dekat stesen Cicalengka di daerah Cicalengka Bandung pada 6.03 pagi waktu tempatan pada Jumaat.

Ketua Pejabat Mencari dan Menyelamat Wilayah Bandung (Basarnas) Hery Marantika berkata pasukan penyelamat telah memindahkan mangsa dari kereta api berkenaan, lapor ANTARA.

Penumpang dilakukan oleh beberapa pihak termasuk syarikat kereta api PT KAI.

Beliau berkata Basarnas menghantar dua pasukan, masing-masing untuk memindahkan mangsa dan mengumpul data mangsa di Hospital Cicalengka Regional Public.

Naib Presiden Perhubungan Awam KAI Joni Martinus berkata Kereta Api Turangga membawa 287 penumpang manakala Kereta api Bandung Raya membawa 191 orang.

Pada awal pagi, pemindahan

gabenor Jawa Barat Beyxi Machmudin berkata sekurang-kurangnya seorang terbunuh dan 28 lagi cedera dalam naas itu.

Jurucakap syarikat Dwinanto Budiadji berkata mangsa yang terkorban termasuk pemandu kereta api, pembantunya, seorang pegawai keselamatan dan konduktor, menurut laporan portal berita Liputan6.

Kesemua penumpang selamat walaupun ada dalam kalangan mereka cedera, katanya.

- ©BERNAMA

1 maut, 22 cedera dalam kebakaran hospital di Jerman

BERLIN, 5 Jan. - Seorang terbunuh manakala 22 lagi cedera dalam kebakaran sebuah hospital di Jerman, lapor media tempatan pada Jumaat yang memetik polis.

Seorang jurucakap bomba berkata daripada jumlah mangsa yang cedera, enam dalam keadaan serius, lapor Xinhua.

Kejadian berlaku pada lewat Khamis di tingkat tiga hospital di bandar Uelzen, kira-kira 100 kilometer (km) ke selatan Hamburg di negeri Lower Saxony, utara Jerman.

Kebakaran itu merebak dengan cepat dan kebanyakan mangsa cedera akibat terhadu asap dan melecur.

Bagaimanapun, api berjaya dipadam sepenuhnya oleh anggota bomba.

Sementara itu tahap kemasuhan dan kerosakan akibat kebakaran itu masih dalam siasatan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



ARUL PILIH PEMAIN VERSATIL UNTUK KELAYAKAN OLIMPIK PARIS 2024

KUALA LUMPUR, 5 Jan. - Ketua jurulatih skuad hoki senior lelaki kebangsaan, A. Arul Selvaraj memuktamadkan barisan pasukannya dengan memilih pemain yang menawarkan versatiliti untuk membawa cabaran negara ke kelayakan Sukan Olimpik di Muscat, Oman bermula 13 Januari ini.

Beliau yang menyifatkan kombinasi Speedy Tigers kali ini adalah yang terbaik berkata rata-rata pemain yang dipilih berkebolehan untuk bermain lebih daripada satu posisi untuk memberi tentangan sengit bagi memburu slot ke Sukan Olimpik Paris 2024 itu.

"Pemilihan semestinya saya lihat posisi, sejak saya mula-mula datang pada 2020 saya banyak cuba menukar posisi pemain, bertujuan untuk menghasilkan pasukan yang boleh bermain dalam pelbagai posisi.

"Kecederaan boleh berlaku, apatah lagi kali ini kita bermain 18 pemain sahaja, jadi kita sentiasa ada 'backup'. Ini adalah pasukan terbaik yang kita ada sekarang, jadi saya sentiasa pilih pemain terbaik," katanya pada sidang media pengumuman barisan pemain di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil di sini hari ini.

Dalam pada itu, Arul Selvaraj berkata beliau turut memilih pemain yang

mempunyai semangat jitu selain mampu menampilkan aksi seimbang ketika beraksi di atas padang, sama ada dari segi mental maupun fizikal.

Terdahulu, Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Kebangsaan Datuk Ahmad Najmi Abdul Razak mengumumkan senarai 18 orang pemain yang akan beraksi pada kelayakan Sukan Olimpik di Muscat bermula 13 - 21 Januari ini bagi memburu slot ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Selain itu, Arul Selvaraj turut menegaskan kemahanan pemain untuk layak ke Sukan Olimpik 2024 perlu sehaluan dengan tingkah laku mereka, merangkumi disiplin, pemakanan serta gaya hidup.

"Pada akhirnya, pemain yang melakukan kerja mereka untuk menang. Kemahanan dan tingkah laku perlu sehaluan, semua saya sudah jaga untuk bantu mereka dengan beri jadual makanan dan minuman, dan saya letak semula tanggungjawab kepada pemain," katanya.

Speedy Tigers dijadualkan berentap dengan Great Britain, Pakistan dan China dalam Kumpulan A, manakala Kumpulan B terdiri daripada Jerman, New Zealand, Kanada serta Chile.

Enam tiket ditawarkan ke Paris 2024 pada Kelayakan Olimpik dengan tiga

di Oman (untuk Lelaki) dan tiga lagi di Valencia, Sepanyol (Wanita).

Mengulas mengenai sasaran, Arul Selvaraj berkata beliau optimis pasukannya mampu menewaskan Pakistan dan China sekali gus menduduki sekurang-kurangnya tangga kedua peringkat kumpulan seterusnya mara ke separuh akhir.

Katanya Speedy Tigers akan mengadakan dua perlawanans persahabatan menentang Kanada serta Chile sebelum memulakan kempen kelayakan Olimpik Paris nanti.

Sementara itu, ketua jurulatih skuad hoki wanita, Mohd Nasihin Nubli Ibrahim pula tidak meletakkan sasaran tinggi pada perlawanans kelayakan Sukan Olimpik 2024 di Valencia, sebaliknya menjadikan ia sebagai pentas terbaik menimba

pengalaman buat anak buahnya sebelum Sukan Asia 2026.

"Secara realistik, kita bertemu pasukan pada ranking lebih tinggi seperti Great Britain, Spain (Sepanyol) dan Kanada, ini perlawanans penuh tekanan yang mana pemain perlu menyesuaikan diri dengan cepat untuk tengok di mana kita berdiri.

"Tapi saya percaya mereka boleh beri persembahan yang baik dan yang mana kita boleh jadi pengacau juga pada pasukan yang lain dan tengok la rezeki dekat mana kita boleh dapat," katanya.

Skuad wanita negara yang diberi julukan Malaysian Tigress telah diundi dalam Kumpulan B untuk bertemu Sepanyol (13 Januari), Kanada (14 Januari) dan Great Britain (16 Januari). - ©BERNAMA

Nur Syaiful tekad beri tumpuan penuh hadapi Sukan Paralimpik Paris 2024

KUALA LUMPUR, 4 Jan. - Kejayaan meraih pingat emas pada Sukan Para Asia Hangzhou 2022, tahun lepas menjadi pemangkin semangat buat Muhammad Nur Syaiful Zulkafli untuk beraksi lebih cemerlang pada Sukan Paralimpik Paris 2024.

Atlet renang para negara itu berkata beliau akan membuat persiapan berintensiti tinggi bermula bulan ini sebagai persediaan mengharungi temasya sukan berprestij berkenaan yang akan berlangsung dari 28 Ogos hingga 8 September depan.

Muhammad Nur Syaiful berkata beliau juga dijadualkan menyertai kem latihan di China selama dua bulan pada Jun sebelum menggalas cabaran Malaysia di Paris.

"Segala persiapan bermula dari sekarang iaitu bulan ini, jadi dari awal tahun sampai detik ke Sukan Paralimpik Paris 2024 adalah tumpuan utama saya untuk kekal fokus bagi aksi seterusnya. (Ketika ini) saya ada 11 sesi latihan seminggu pada pagi dan petang," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Pada masa sama, atlet kelahiran Sarawak berusia 29 tahun itu juga akan menyertai dua kejohanan sebagai aksi pemanas badan serta melihat tahap kemajuan prestasinya.

"Saya akan serta kejohanan Siri Dunia Renang Para Citi di Itali pada Mac depan, selain berangkat ke Portugal bagi The Madeira 2024 Para Swimming European Open Championships pada April," katanya.

Dalam pada itu, meskipun tidak meletakkan sebarang sasaran pingat di Paris, Muhammad Nur Syaiful berazam melakukan terbaik agar dapat mencapai keputusan yang membanggakan.

"Saya akan cuba yang terbaik... pingat itu tidak pasti tetapi insya-Allah jika ada rezeki saya di sana," katanya yang menduduki tempat kelima pada final acara 50 meter (m) gaya bebas S5 pada Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Pada Sukan Para Asia Hangzhou yang berlangsung Oktober lepas, Muhammad Nur Syaiful memenangi pingat emas 100m kuak dada SB4 dan membawa pulang gangsa acara 100m gaya bebas S5. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

GEGANDONG ialah satu kenaikan dalam istiadat tertentu iaitu perahu yang berakit dua atau tiga disatukan (digandingkan) dengan menggunakan beberapa keping papan atau sebagainya yang diletakkan di atasnya (permukaan perahu) menjadi lantai untuk menguatkan kedudukan Gegandong itu. Tiga untuk Gegandong Sultan dan Wazir; manakala dua untuk Gegandong Cheteria atau Pehin Datu Seri Maharaja atau Pehin Datu Perdana Manteri. Bagi Sultan – Gegandong itu ditunda oleh Pateh dan Damong yang membawa Changkah, manakala yang lain ianya ditunda oleh perahu biasa.

SUMBER : Adat Istiadat Diraja Brunei